

16/09/2003

Duda pertikai pencen isteri

Duda Menunggu

SAYA duda yang menerima pencen setelah isteri saya meninggal dunia pada 1995. Setahun kemudian saya telah berkahwin lain dan secara automatik saya tidak layak menerima skim pencen itu sebagaimana ditetapkan.

Pada penghujung 2002, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa duda yang dibatalkan pencennya setelah berkahwin lain akan menerima kembali pencen itu termasuk tunggakannya sekali.

Pada Februari 2002 iatu selepas Aidiladha saya pun memohon kembali pencen itu dengan mengisi borang permohonan ditetapkan.

Tetapi malangnya hingga ke hari ini saya masih lagi belum menerima sebarang jawapan dari Bahagian Pencen mengenai status permohonan saya itu.

Saya ingin bertanya adakah permohonan saya ini ditolak? Jika tidak, saya amat berharap pihak yang bertanggungjawab dapat membantu menyelesaikan masalah saya yang sudah lama berlarutan.

DUDA MENUNGGU,
Kuala Lumpur.